



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI  
NO.2A, JALAN 2/18A  
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH  
51200 KUALA LUMPUR



Telefon : 03-61794752  
Faksimile : 03-62414679  
E-mel : wea0260@moe.edu.my

Ruj. Kami : SMKTP.100-1/3/1 (10)  
Tarikh : 20 Oktober 2020

Kepada:  
**Semua Ibu Bapa / Penjaga  
Murid Tingkatan 3**

SMK Tiara Permai  
Kuala Lumpur

Tuan/Puan,

**PENANGGUHAN PENTAKSIRAN KEMASUKAN SEKOLAH KHUSUS (PKSK) TAHUN 2020  
BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat JPNWP.700-8/2/4 Jld.4(32) bertarikh 13 Oktober 2020 serta surat KPM.800-1/1/1 Jld. 2( ) bertarikh 13 Oktober 2020.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum bahawa, Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK) telah dijadualkan secara berpusat di semua pusat pentaksiran pada 12 hingga 13 Oktober 2020 bagi Tingkatan Satu dan 26 Oktober hingga 6 November 2020 bagi Tingkatan 4.

3. Susulan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kuala Lumpur mulai 14 Oktober 2020 sehingga 27 Oktober 2020 serta larangan rentas antara daerah yang telah dikuat kuasa, pelaksanaan PKSK bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti yang dijadualkan telah **ditangguhkan kepada satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.**

4. Pihak sekolah berharap agar tuan/puan sentiasa membuat semakan melalui [spskt4.moe.gov.my](https://spskt4.moe.gov.my) bagi mengetahui status terkini permohonan anak/anak jagaan masing-masing. Pihak sekolah juga berharap agar murid yang memohon ke sekolah khusus sentiasa bersedia untuk menghadapi PKSK.

Perhatian dan kerjasama tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HAJI AZMAN BIN AB KADIR *AMW*)**  
Pengetua  
SMK Tiara Permai  
Kuala Lumpur.